

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SELASA, 27 SAFAR 1448H BERSAMAAN 11 OGOS 2026M**

PJL06/02/2026

1

No. Soalan: PL253

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN**

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah dan mekanisme yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengawal kualiti serta keselamatan bahan dan barangan binaan yang diimport dan digunakan di Brunei Darussalam? Adakah terdapat piawaian atau pemeriksaan berkala untuk memastikan produk yang dijual adalah berkualiti, selamat digunakan dan tidak mendatangkan risiko kepada pengguna?

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan melalui Jawatankuasa Pendaftaran Pengimport Bahan Asas Pembinaan mengawal bahan-bahan asas binaan iaitu Batu, Pasir, Batu-Bata Merah dan Simen. Untuk makluman, syarikat Pengimport yang berhasrat untuk membawa masuk bahan-bahan Asas berkenaan ke Negara Brunei Darussalam dikehendaki untuk memohon kebenaran Permit Import melalui sistem *Brunei Darussalam National Single Window* (BDNSW). Bahan-bahan Asas binaan tersebut hendaklah mempunyai laporan ujian terkini dari makmal yang diiktiraf oleh Badan Pengiktirafan '*Asia Pacific Accreditation Cooperation*' (APAC) dan setelah tiba di Negara Brunei Darussalam, pemeriksaan berkala melalui program penilaian mutu akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi memastikan bahan-bahan asas binaan tersebut menepati piawaian.

No. Soalan: PL231

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menetapkan kriteria lokasi, kepadatan dan keperluan masyarakat setempat bagi permohonan baharu kedai serbaneka, khususnya di kawasan yang telah mempunyai beberapa buah kedai seumpamanya dalam jarak berdekatan.

JAWAPAN:

Kriteria lokasi, kepadatan dan keperluan masyarakat setempat adalah merupakan antara kriteria yang telah digunakan oleh pihak Kementerian Pembangunan pada masa ini dalam menilai permohonan samada Tukar Syarat Tanah atau Kebenaran Perancangan bagi kedai serbaneka, di mana dasar perancangan guna tanah utama yang dirujuk adalah Dasar Pembangunan Komuniti Bandar yang Mampan (*Creating Sustainable Urban Communities Policy*) yang terkandung dalam Pelan Induk Guna Tanah dan Pelan Pembangunan Peringkat Daerah. Dasar ini bertujuan untuk mengawal penempatan kegiatan perniagaan dalam menyokong keperluan komuniti dan pertumbuhan ekonomi setempat pada skala serta lokasi yang bersesuaian. Selain itu, ianya bertujuan untuk meningkatkan *efficiency* penggunaan tanah optima dengan mengarahkan kegiatan perniagaan ke kawasan yang sesuai, di samping mengelakkan perkembangan secara *ad hoc* yang boleh menjejaskan fungsi kawasan, keselesaan persekitaran kediaman (*residential amenity*), kapasiti infrastruktur dan alam sekitar.

Dalam menyelaraskan pelaksanaan dasar ini di peringkat permohonan Kebenaran Perancangan, Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perniagaan serta Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Suplementari Kepadatan adalah merupakan dokumen lain yang juga turut dirujuk. Antara perkara yang dinilai termasuk kesesuaian lokasi, keserasian dengan guna tanah sekeliling, kapasiti infrastruktur, akses dan impak terhadap persekitaran serta komuniti setempat. Ini termasuklah meneliti taburan kemajuan komersial sedia ada bagi mengelakkan tumpuan aktiviti yang berlebihan di sesuatu kawasan dan bagi memastikan penyediaan kemudahan komersial adalah lebih seimbang serta memenuhi keperluan masyarakat setempat. Pendekatan ini bukan bertujuan untuk menghadkan persaingan perniagaan, sebaliknya memastikan pembangunan kawasan komersial dirancang secara lebih teratur, mampan dan dapat menyokong keperluan masyarakat setempat dalam jangka panjang.

Penilaian lain yang juga turut diambil kira adalah penetapan kepadatan mengikut *Urban Structure Model* yang menggariskan antara lain hierarki pembangunan seperti Pusat Bandar dan kawasan luar bandar. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan jenis dan intensiti aktiviti komersial adalah selaras dengan fungsi sesuatu kawasan serta saiz populasi yang disokong. Sebagai contoh, kawasan yang berfungsi sebagai Pusat Bandar yang mempunyai kepadatan penduduk dan aktiviti ekonomi yang lebih tinggi, di mana lazimnya mempunyai kapasiti untuk menampung lebih banyak premis perniagaan, termasuk kedai serbaneka. Sebaliknya, di kawasan luar bandar yang lebih kecil atau berkepadatan rendah, pertimbangan akan diberikan terhadap keperluan sebenar penduduk, kapasiti pasaran, kesan kepada aliran trafik dan kesesuaian pembangunan bagi mengelakkan pertumpuan premis yang berlebihan.

No. Soalan: PL292

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi baharu, pendekatan bersepadu dan langkah proaktif yang akan dilaksanakan bagi mengenal pasti, membimbing serta meningkatkan kebolehpasaran golongan belia yang tidak bekerja, tidak melanjutkan pelajaran dan tidak mengikuti latihan kemahiran (NEET) dan apakah tindakan bagi memastikan mereka dapat menyertai pasaran pekerjaan atau latihan kemahiran secara berkesan?

JAWAPAN:

dengan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam sekitar 469,775 orang dan lebih kurang 1/3 daripadanya terdiri daripada golongan belia berusia di bawah 35 tahun, jelas bahawa belia adalah aset utama yang perlu digarap dan diperkasa.

Dalam konteks ini, seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Perbahasan Usul Menyokong Penyelarasan Ke arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada 3 Ogos 2026 berkenaan data Pusat Pekerjaan Brunei setakat Jun 2026; terdapat 14,976 pencari kerja aktif, di mana 79 peratus atau 11,876 orang berumur diantara 21 hingga 35 tahun. Data ini menunjukkan bahawa isu penyertaan belia dalam pasaran pekerjaan perlu ditangani secara menyeluruh, dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang dan tahap kelayakan mereka.

Sehubungan itu, dalam menangani isu belia NEET, usaha Kementerian adalah berteraskan pengukuhan dan penyelarasan strategi dan dasar Kementerian dengan tiga *blueprint* utama negara iaitu; *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint*, yang menjadi rangka kerja panduan dalam pembangunan belia dan tenaga kerja secara menyeluruh.

Pembangunan belia merupakan agenda multi-sektor yang memerlukan kerjasama erat antara pelbagai kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti.

Dalam konteks itu, peranan KKBS adalah sebagai salah satu agensi pelaksana yang memberi tumpuan kepada intervensi langsung di peringkat akar umbi, termasuklah golongan NEET, melalui program kemahiran, pembentukan sahsiah dan bimbingan kerjaya serta pembangunan keusahawanan.

Pusat Pembangunan Belia di bawah KKBS menawarkan kursus jangka pendek yang marketable dalam bidang teknologi digital, kulinari, reka bentuk grafik, pemasaran media sosial, multimedia, asas AI dan pembangunan laman sesawang – bagi membantu belia yang tidak mempunyai kemahiran industri yang relevan dapat melatih semula keupayaan mereka (*reskilling*) atau meningkatkan kemahiran yang ada (*upskilling*).

Selain itu, pendekatan yang diambil turut memfokuskan kepada peralihan minda keusahawanan dengan menggalakkan belia untuk menjadi pencipta kerja. Kementerian telah memperkasa belia melalui pelbagai platform keusahawanan seperti program kemahiran keusahawanan, penyediaan inkubator dan skim pembiayaan. Antaranya adalah Skim BizBelia yang merupakan skim pembiayaan mikro patuh syariah bagi usahawan belia mendapatkan sumber kewangan daripada institusi kewangan. Inisiatif ini juga diperkukuhkan dengan elemen bimbingan (*mentoring*) bagi memastikan usahawan muda mempunyai visi perniagaan yang mampan. Setakat April 2026, 4 orang belia telah berjaya mendapatkan micro-financing di bawah Skim ini.

Usaha pemantapan jati diri dan kepimpinan merupakan agenda kritikal dalam meningkatkan kebolehpasaran golongan belia NEET. Bermula tahun ini, Program Khidmat Bakti Negara telah dikemaskini menerusi pelanjutan tempoh latihan daripada 3 kepada 6 bulan, yang mana Projek Rintis PKBN 6 bulan mula dilaksanakan pada 9 Ogos 2026 dengan jumlah 28 orang pelatih. Pengisian modul dan kurikulum yang telah dikemaskini, dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan sektor swasta, dengan hasrat untuk menjadi platform bagi mengukuhkan ilmu pengetahuan serta kemahiran para pelatih, yang relevan dengan keperluan pada masa ini.

Komponen pelaksanaan PKBN yang memfokuskan kepada pembangunan jati diri, disiplin, semangat patriotik, keugamaan, dan ketahanan mental serta fizikal akan terus dikendalikan, dan diperkasa lagi dengan pengenalan komponen baharu iaitu Komponen Siap Siaga Masa Depan, dan Komponen Program Pertahanan Awam. Dua komponen baharu tersebut akan memfokuskan kepada pembangunan kemahiran para pelatih dalam bidang keusahawanan secara intensif dari aspek teori dan praktikal. Dalam masa yang sama, komponen tersebut juga turut memberi pendedahan mendalam dari segi tugas serta tanggungjawab pasukan-pasukan beruniform iaitu; Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pada masa yang sama, berdasarkan maklumat yang telah dikongsikan daripada Kementerian Pendidikan, antara strategi proaktif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Antaranya adalah seperti berikut:

- Projek *Cohort Tracking*: Penggunaan mekanisme pengesanan sistematik bagi mengenal pasti lepasan pelajar GCE O' Level, IGCSE, program BTEC, dan Pra-Vokasional yang tercicir daripada sistem pendidikan dan pasaran kerja.
- Pensejajaran Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) dan TVET: Memberikan peluang kedua kepada belia yang memperoleh keputusan akademik rendah untuk mengikuti latihan kemahiran teknikal yang diiktiraf di bawah *Brunei Darussalam Qualifications Framework* (BDQF).
- Program Peningkatan Akademik (Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, L3): Penyediaan kelas malam bagi mata pelajaran teras (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik D) untuk membantu belia meningkatkan kelulusan akademik bagi memenuhi syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi.
- Pemerkasaan Minda Keusahawanan: Melalui Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), platform seperti EIC Virtual Reality dan pertandingan seperti BigStart digunakan untuk memupuk growth mindset dan membina kebolehpasaran belia melalui kemahiran inovasi.

Usaha ini turut disokong dengan adanya penubuhan Menteri-Menteri Penyelaras di bawah Jawatankuasa baharu, yang bertindak sebagai pemudah cara menyelaras isu merentas kementerian – memastikan intervensi pihak Kerajaan terhadap belia NEET dapat dilengkapi dengan dasar dan peluang daripada agensi lain secara bersepadu.

Kesemua inisiatif ini adalah saling melengkapi dan sebahagian daripada usaha memastikan belia, termasuk golongan NEET, tidak tercicir dan dapat menyumbang secara bermakna kepada pembangunan sosioekonomi negara.

No. Soalan: PL282

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan penglibatan belia dalam proses pembangunan dasar negara diterjemahkan kepada penyertaan yang benar-benar mempengaruhi pembentukan dasar awam serta pembangunan masyarakat, selaras dengan aspirasi melahirkan generasi pelapis yang berdaya saing dan berwibawa?

JAWAPAN:

Penglibatan belia dalam proses pembangunan dasar negara adalah sangat penting memandangkan golongan belia bukan sahaja merupakan generasi pelapis, malah merupakan rakan strategik dan peneraju masa hadapan negara. Keterlibatan belia secara bermakna memberikan ruang kepada pandangan, aspirasi dan pengalaman mereka untuk diambil kira dalam pembentukan dasar dan pelaksanaan inisiatif yang memberi kesan kepada kehidupan mereka serta masyarakat secara keseluruhannya.

Pendekatan ini juga penting dalam membina rasa pemilikan (*ownership*) dan tanggungjawab (*responsibility*) bersama, memperkukuh keupayaan kepimpinan serta melahirkan generasi belia yang lebih berdaya saing, berwibawa dan bersedia untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan serta kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Ke arah memastikan suara dan perspektif belia dapat disalurkan secara bermakna dalam proses pembangunan dasar dan pembangunan masyarakat, penglibatan belia dilaksanakan melalui pelbagai platform formal dan berskala besar, antaranya:

- Kongres Belia Kebangsaan – merupakan salah satu platform utama bagi belia menyumbang resolusi, pandangan dan buah fikiran dalam menangani isu dan cabaran pembangunan belia masa kini dan masa hadapan. Hasil dan resolusi Kongres Belia Kebangsaan 2019 turut dijadikan sebagai asas dalam penyediaan Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2035 dan Pelan Tindakan DBNS 2020-2024.

- Dialog dan Forum Belia serta *Youth Town Hall* – dianjurkan bersama KKBS dan *Young Professionals Network* (YPN) sejak 2020, dengan penyertaan lebih 500 belia bagi setiap edisi, memberi peluang kepada belia berinteraksi secara konstruktif dengan Menteri-Menteri, sekaligus membuka ruang kepada dialog terbuka, perkongsian pandangan dan penyampaian aspirasi generasi muda terhadap isu-isu pembangunan negara. Sejak pelaksanaannya, YTH telah diadakan sebanyak 8 kali, dengan setiap edisi melibatkan lebih daripada 500 belia.
- Kumpulan Penasihat Belia (*Youth Advisory Group*, YAG) – yang dianggotai oleh kumpulan belia yang turut menjadi *check and balance* kepada pelaksanaan pelan tindakan dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035. Di samping itu, kumpulan ini juga melaporkan perkembangan pelaksanaannya dari perspektif belia kepada Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.
- Persidangan Kebangsaan Kali Pertama bagi Orang Kelainan Upaya telah julung kali diadakan pada Jun 2025 yang dianjurkan oleh Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Majlis Belia Brunei, dalam mana melibatkan lebih 300 peserta terdiri daripada pembuat dasar, agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pakar antarabangsa, belia, ibu bapa/penjaga dan OKU. Hasil resolusi persidangan ini menjadi asas kepada pengemaskinian Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya seterusnya, iaitu bagi tahun 2026 hingga 2030.

Sementara itu, antara contoh nyata bagaimana suara dan pandangan belia diterjemahkan ke dalam pembentukan dasar ialah Dasar Belia Negara dan Strategi 2020–2035 (DBNS) berserta Pelan Tindakannya, yang dibangunkan melalui proses rebiu, konsultasi dan perbincangan dengan melibatkan penyertaan serta suara belia secara langsung. Pendekatan ini memastikan dasar dan strategi pembangunan belia bukan sahaja dibangunkan untuk belia, tetapi turut dibentuk bersama belia, selaras dengan prinsip penglibatan belia yang bermakna (*meaningful youth engagement*).

Kajian Indeks Pembangunan Belia (YDI) juga turut melibatkan belia dalam proses pengumpulan data dan penilaian, seterusnya menjadi asas kepada perancangan Pelan Tindakan Kedua DBNS bagi tempoh 2026–2030. Hasil kajian ini akan menjadi asas kepada perancangan Pelan Tindakan Kedua DBNS 2026–2030, yang akan memperkukuh strategi pembangunan belia serta memastikan mereka diberi peluang berkembang sebagai pemimpin masa depan yang berwawasan, berdaya saing, dan berintegriti.

Penglibatan belia juga bersifat multi-sektor dan merentas kementerian, sebagai contoh:

Sesi *Scoping Exercise Workshop* bagi Pelan Tindakan Kedua DBNS (2026–2030) yang diadakan baru-baru ini melibatkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta serta pergerakan dan persatuan belia, mencerminkan pendekatan senegara.

Penglibatan Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam pelbagai program dan perbincangan berkaitan belia, termasuk Kem Belia *Sustainable Development Goal* (SDG) dan program pembangunan keusahawanan belia, menunjukkan bahawa isu belia turut diberi perhatian di peringkat penggubal undang-undang dan dasar negara.

Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen Kementerian untuk memastikan aspirasi dan suara belia bukan sahaja didengar, malah diberikan ruang untuk menyumbang secara bermakna kepada pembentukan dasar, strategi dan pelaksanaan program pembangunan negara.

Ke hadapan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memperkukuh mekanisme sedia ada serta memperluas saluran dan peluang penyertaan bagi melibatkan lebih ramai belia daripada pelbagai latar belakang, termasuk di peringkat akar umbi, dalam proses perundingan, perancangan dan pembangunan dasar. Usaha ini adalah penting bagi memastikan penglibatan belia yang lebih inklusif dan bermakna, sekali gus memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama serta melahirkan generasi pelapis yang berdaya saing, berwibawa dan bersedia untuk menerajui serta menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PL300

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan status terkini berkenaan isu atau cadangan yang pernah dibawakan berkenaan pemembinaan Kawasan RnR (rehat dan rawat) di beberapa tempat sepanjang lebuh raya?

JAWAPAN:

Pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengenalpasti 3 tapak kawasan rehat dan rawat iaitu Tapak Ikas di Kg Keriam, Daerah Tutong, Tapak Kg Binchaya di Telisai Daerah Tutong dan Tapak Sibonghutan di Tanah Jambu, Daerah Brunei dan Muara.

Inisiatif ini amat penting bukan sahaja untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan para pengguna lebuh raya, malah berfungsi sebagai platform berkesan bagi menjana peluang perniagaan dan ekonomi kepada pengusaha tempatan dan ingin mengongsikan bahawa Kemajuan status pembinaan Rehat & Rawat ini telah dilaksanakan melalui tiga fasa utama.

Pertama, kajian awam secara talian (*google form*) selama satu setengah (1.5) bulan yang telah bermula dari 24hb September 2021 hingga 11hb November 2021. Kajian ini menerima sambutan sebanyak 2,240 penyerahan di mana sebanyak 92% (2,058) maklumbalas menyokong pembinaan kawasan Rehat & Rawat di sepanjang Lebuh raya Muara-Tutong.

Sebagai langkah permulaan, Kementerian memilih Tapak Ikas di Kampung Keriam, Daerah Tutong (seluas 2.701 ekar) sebagai projek perintis. Pengiklanan *Expression of Interest* (EOI) telah dikeluarkan pada 20 November 2023 bagi menarik minat pelabur swasta yang mana sebanyak tiga (3) buah syarikat tempatan telah mengemukakan cadangan bernilai komersial.

Bagi status yang terkini, Kementerian telah membuka pengiklanan bagi *Request for Proposal* (RFP) pada 23hb Mei 2026 yang mana tempoh tutup permohonan adalah pada 1hb September 2026.

Selepas tarikh tutup RFP pada 1 September 2026, Kementerian akan melaksanakan penilaian teknikal dan kewangan bagi memilih pemaju swasta yang memenuhi keperluan.

Projek perintis di Tapak Ika ini akan menjadi tanda aras (*benchmark*) bagi meneruskan pembinaan kemudahan Rehat & Rawat di lokasi-lokasi lain pada masa hadapan.

No. Soalan: PL175**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM****TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauhmana Kementerian menilai semula perundangan sedia ada termasuk syarat pelesenan, pengoperasian, pemantauan dan penguatkuasaan serta penggunaan berasingan mengikut jantina bagi gimnasium, bagi mengurangkan risiko isu sosial dan menyokong pencapaian Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyambut baik pandangan Yang Berhormat berhubung pengurusan dan penggunaan kemudahan gimnasium, khususnya dalam memastikan aspek keselamatan, kesesuaian dan kesejahteraan pengguna sentiasa diberikan perhatian. Perkara ini juga adalah selaras dengan usaha menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti fizikal dan sukan yang selamat, sihat dan bersesuaian dengan nilai serta norma masyarakat Negara Brunei Darussalam, di samping mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai penilaian semula perundangan sedia yang meliputi syarat pelesenan, pengoperasian, pemantauan dan penguatkuasaan gimnasium, ingin dikongsikan bahawa pengoperasian gimnasium di Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada Akta Establismen Kecantikan dan Kesihatan (Penggali 241), di mana gimnasium disenaraikan di bawah Jadual 1 Akta tersebut.

Sehubungan dengan itu, pengusaha gimnasium adalah dikehendaki untuk mendapatkan Lesen Establismen Kecantikan dan Kesihatan (EKK) daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu; Jabatan Bandaran atau Jabatan Daerah, mengikut lokasi premis serta memenuhi semua keperluan dan kelulusan yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan sebelum sesebuah gimnasium boleh beroperasi secara sah.

Bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada masa ini, tidak terdapat peruntukan perundangan atau garis panduan khusus di bawah KKBS yang menetapkan penggunaan gimnasium secara berasingan mengikut jantina.

Walau bagaimanapun, sukacita mengongsikan bahawa, terdapat beberapa pengendali-pengendali gimnasium persendirian dan swasta yang menyediakan kemudahan atau pengaturan tertentu secara sukarela bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pengguna, termasuk penyediaan ruang atau waktu penggunaan khusus bagi wanita. Pendekatan sedemikian merupakan antara pilihan yang boleh disediakan oleh pengendali berdasarkan kesesuaian operasi dan keperluan pelanggan masing-masing.

Bagi kemudahan dan aktiviti yang berada di bawah kawalan langsung KKBS, beberapa pengaturan bersesuaian telah dilaksanakan mengikut jenis kemudahan, aktiviti dan keperluan pengguna, antaranya:

- Kolam Renang Anggerek Desa menyediakan hari penggunaan khusus bagi wanita pada setiap hari Selasa.
- Dalam penganjuran kejohanan dan aktiviti sukan peringkat kebangsaan dan kejohanan terutamanya sukan yang melibatkan *contact sports* – tiada perlawanan campuran antara lelaki dan wanita; penyertaan sentiasa mengikut kategori jantina yang berasingan.
- Kemudahan awam lain yang dikendalikan KKBS juga mengutamakan keselamatan dan kesesuaian pengguna mengikut keperluan semasa.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat keperluan untuk melihat semula aspek pelesenan, pengoperasian, pemantauan atau penguatkuasaan gimnasium secara lebih menyeluruh, perkara tersebut akan sewajarnya dilihat secara bersepadu mengikut bidang kuasa agensi-agensi pengawal selia yang berkaitan. Pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat merupakan input yang baik untuk diteliti dalam melihat aspek pengurusan kemudahan sukan secara lebih menyeluruh.

Pihak KKBS akan terus memberikan perhatian terhadap pengurusan kemudahan dan pelaksanaan aktiviti yang berada di bawah kawalannya supaya mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan, kesesuaian dan kesejahteraan pengguna, serta nilai dan norma masyarakat Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PL230

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan status dan garis masa penyediaan laluan pejalan kaki yang menghubungkan Gadong dengan Kiulap, serta sama ada langkah keselamatan sementara seperti lintasan pejalan kaki, pencahayaan dan papan tanda tunjuk arah di sekitar Pusing Keliling Jame'Asr akan dilaksanakan menjelang *Visit Brunei Year 2027*.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan amat menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat mengenai kemudahan pejalan kaki untuk menghubungkan Kawasan Gadong dengan Kiulap, dan keselamatan pejalan kaki khususnya dalam persediaan menjelang *Visit Brunei Year 2027*.

Untuk makluman Yang Berhormat, perhubungan fizikal bagi pejalan kaki di antara Kawasan Komersial Gadong dan Kiulap pada masa ini sememangnya telah sedia ada. Laluan ini menghubungkan:

1. Kawasan Komersial Gadong melalui Jalan Pasar Gadong menuju ke Pusing Keliling Jame' 'Asr;
2. Pusing Keliling Jame' 'Asr yang dilengkapi laluan pejalan kaki di sekelilingnya; dan
3. Jalan Jame' 'Asr seterusnya ke Kawasan Komersial Kiulap, yang turut dibantu oleh kemudahan jejantas sedia ada bagi melintas jalan raya dengan selamat.

Kementerian memahami bahawa tahap kesedaran (*awareness*) dan panduan arah yang lebih jelas amat diperlukan bagi memudahkan pergerakan awam dan pelancong. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sedang memfokuskan kepada beberapa langkah penambahbaikan:

1. Memasang papan tanda tunjuk arah panduan pejalan kaki di lokasi-lokasi strategik bagi memudahkan orang ramai dan pelancong mengenali dan menggunakan laluan perhubungan ini.
2. Memasang papan tanda pejalan kaki dan menambah lampu isyarat pejalan kaki di sekitar Pusing Keliling Jame' 'Asr untuk memberikan keselesaan serta keyakinan yang lebih tinggi kepada pengguna jalan kaki.

Kerja-kerja pemasangan papan tanda tunjuk arah dan penambahbaikan kemudahan keselamatan ini dijadualkan untuk dilaksanakan secara berfasa dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan November 2026, iaitu sebagai persediaan awal sebelum bermulanya *Visit Brunei Year 2027*.

No. Soalan: PL290

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan memandangkan lambakan flat kosong dan bangunan terbiar di Bandar Seri Begawan kini menjadi tempat berteduh gelandangan serta mengundang isu keselamatan, apakah tindakan perundangan drastik Kementerian ke atas pemilik premis yang tidak bertanggungjawab dan pelan tindakan bersepadu antara Lembaga Bandaran dan JAPEM untuk memantau serta membersihkan kawasan terbiar ini secara berkala bagi memelihara imej ibu negara?

JAWAPAN:

Tanggungjawab bagi memeduli keadaan bangunan-bangunan persendirian adalah di bawah pemilik atau penghuni bangunan itu sendiri. Mana-mana bangunan yang kosong masih perlu diselenggara dan diawasi oleh pemilik demi keselamatan orang ramai yang mungkin melalui kawasan dan bangunan tersebut.

Kementerian Pembangunan juga telahpun membuat beberapa tindakan ke atas bangunan-bangunan yang terbiar seperti berikut:-

Pada tahun 2023, sebuah bangunan Lot 100 Jalan Mc Arthur, Pusat Bandar, Mukim Kianggeh telahpun kosong selama beberapa tahun selepas berlakunya kebakaran. Memandangkan terdapatnya risiko ke atas keadaan struktur bangunan dan beberapa kali kes pencerobohan berlaku ke atas bangunan tersebut, maka ABCI menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 35 (1), Akta Kawalan Bangunan Penggal 256 untuk penutupan dan seterusnya meroboh bangunan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai yang melalui dan berada kawasan tersebut.

Untuk makluman jua, Kerja-kerja meroboh telah siap dilaksanakan pada 17 Julai 2024 oleh pihak Kerajaan setelah Pemilik bangunan gagal melaksanakan perintah tersebut. Perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan Pemilik bangunan telah dijatuhi hukuman di bawah seksyen 35(5) dengan dikenakan denda sebanyak \$40,000 ringgit baru baru ini.

Satu lagi bangunan kosong dan terbiar yang telah diambil tindakan ialah meroboh sebuah bangunan yang mengandungi 5 unit iaitu Lot 144, 145, 146, 147 dan 148 Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan yang mana adalah usahasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerja-kerja meroboh telahpun siap pada Jun 2023.

Mengenai dengan pelan tindakan, Kementerian juga akan meneruskan penyelarasan bersama Lembaga Bandaran dan agensi-agensi berkaitan melalui pemeriksaan berkala, tindakan penguatkuasaan serta perkongsian maklumat bagi memastikan bangunan dan kawasan terbiar dipantau dengan lebih berkesan.

No. Soalan: PL212

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bercadang membangunkan *national database* dan sistem pengurusan aset bangunan kerajaan termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di keempat-empat daerah bagi mengenal pasti aset bangunan yang terbiar dan kurang dimanfaatkan, mempercepat proses penggunaan semula (*repurposing*), memperkukuh perancangan berasaskan data serta mengoptimumkan pulangan dan nilai aset negara?

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Di-Pertua, pada masa ini belum ada Pangkalan Data Kebangsaan (*National Database*) yang menyeluruh bagi pengurusan aset bangunan kerajaan di keempat-empat daerah. Inventori dan pengurusan aset bangunan masih diuruskan secara individu oleh kementerian dan agensi pemilik masing-masing

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR) sejak April 2025 telah mula menyenaraikan semua aset bangunan kerajaan yang berdaftar di bawah JKR. Pangkalan data ini sentiasa dikemaskini secara berterusan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan bagi memantau status pemilikan, tahap penggunaan, dan keadaan semasa aset-aset tersebut.

Pangkalan data ini bukan sahaja berfungsi sebagai rekod inventori, malah berupaya menjadi platform padanan ruang (*space matching*) yang bernilai tinggi kepada kementerian dan agensi kerajaan. Melalui pangkalan data ini, bangunan atau ruang pejabat yang kosong, lama, atau tidak digunakan sepenuhnya dapat dikenal pasti secara sistematik. Ini membolehkan agensi-agensi yang memerlukan ruang pejabat baharu atau tambahan untuk memanfaatkan semula aset kerajaan yang sedia ada tanpa perlu mengeluarkan kos binaan baharu atau menyewa premis swasta

Sebagai contoh praktikal bagi pendekatan ini, Kementerian Pembangunan telah mengambil menggunakan bangunan lama Telbru di Jalan Pembangunan untuk dijadikan sebagai pejabat baru Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan pejabat Jabatan Tanah. Majlis penyerahan kunci bagi Bangunan tersebut telah diadakan pada 19 Julai 2026.

Sehubungan itu, Kementerian menyambut baik cadangan ini dan akan meneliti dengan lebih lanjut bagi menilai kesesuaian serta kebolehlaksanaannya dalam memperkemas lagi pengurusan dan pemanfaatan aset bangunan kerajaan secara keseluruhan.

No. Soalan: PL291**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT****TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan merujuk Seksyen 57 Akta Kawalan Bangunan yang menetapkan penyenggaraan premis sebagai tanggungjawab pemilik, berapakah jumlah kompaun dan notis dikeluarkan terhadap pemilik bangunan yang tidak mematuhi standard kebersihan dan keselamatan, dan apakah langkah penguatkuasaan lebih agresif dirancang bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan?

JAWAPAN:

Untuk makluman, Seksyen 57 Akta Kawalan Bangunan (Penggai 256) memperuntukkan bahawa pemilik dan penghuni bangunan komersial adalah bertanggungjawab memastikan bangunan serta kawasan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan bersih, selamat dan diselenggara dengan baik. Justeru, tanggungjawab penyelenggaraan adalah tanggungjawab pemilik dan penghuni bangunan, dan bukannya kerajaan.

Setakat ini tidak ada kompaun yang dikenakan bagi Seksyen 57. Dalam melaksanakan peruntukan ini, pendekatan Kementerian pada masa ini adalah memberi penekanan kepada pematuhan melalui perundingan, penyelarasan dan mengeluarkan surat teguran. Pendekatan ini telah berjaya menyelesaikan beberapa isu-isu penyelenggaraan bangunan komersial.

Sebagai contoh, bagi kawasan komersial Bangunan Muhibbah I dan II, Kampung Menglait, sebanyak lima (5) surat teguran telah dikeluarkan sejak tahun 2023, di samping beberapa sesi perbincangan bersama pemaju, pemilik bangunan dan penghuni. Hasil penyelarasan tersebut, kerja-kerja pembaikan jalan telah berjaya disiapkan pada 14 Oktober 2025.

Begitu juga di kawasan komersial Batu Bersurat, sebanyak enam (6) surat teguran telah dikeluarkan kepada pihak pemaju sehingga persetujuan berjaya dicapai untuk melaksanakan pembaikan jalan, yang telah disiapkan pada 3 November 2025. Manakala bahagian jalan yang telah diserahkan kepada kerajaan telah dibaiki oleh Jabatan Jalan Raya.

Bagi memperkuat penguatkuasaan, Kementerian telah merangka beberapa langkah secara berfasa, seperti berikut:-

Sebagai langkah segera, ABCi telah memberikan *Delegation of Power* di bawah Seksyen 3(2), Akta Kawalan Bangunan (Penggag 256), berkuat kuasa mulai 25 Oktober 2025, kepada Jabatan Bandaran, Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi melaksanakan kuasa di bawah Seksyen 57. Sehingga kini agensi-agensi berkenaan telah pun mengeluarkan surat teguran bagi kawasan kawalan masing-masing.

Kementerian turut mengadakan beberapa siri taklimat kepada agensi-agensi berkenaan pada 21 hingga 23 Oktober 2025 serta 2 Julai 2026 mengenai tatacara pengendalian aduan dan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan.

Kementerian Pembangunan akan meneruskan kerjasama dengan agensi/jabatan yang telah diberikan kuasa untuk memperkuat program kesedaran melalui sesi dialog, taklimat dan hebahan kepada pemilik bangunan mengenai tanggungjawab mereka di bawah Akta Kawalan Bangunan (Penggag 256). Pendekatan ini bertujuan memupuk amalan baik penyelenggaraan secara proaktif dalam kalangan pemilik bangunan, manakala tindakan penguatkuasaan akan digunakan sebagai langkah terakhir terhadap pihak yang masih gagal mematuhi peruntukan undang-undang.

No. Soalan: PL274

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bagaimana peruntukan berkaitan dengan Pengurusan Industri Pembinaan dibawah Kementerian Pembangunan digunakan bagi memajukan industri pembangunan di Negara ini, sasaran yang hendak dicapai dan impaknya yang sudah dilihat.

JAWAPAN:

Khusus kepada tajuk peruntukan Pengurusan Industri Pembinaan, adalah bertujuan bagi peruntukan tahunan yang disediakan untuk pembayaran gaji pegawai dan kakitangan serta operasi Divisyen Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan.

Sebagai inisiatif dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman berkaitan dengan perniagaan dalam industri pembinaan, kementerian menerusi ABCI juga mendapat peruntukan skim galakan kepada syarikat kontraktor atau Pembina melalui bimbingan kapasiti "*Contractor Development Program*" yang telah bermula pada tahun 2025 dimana seramai 40 syarikat telah menamatkan program tersebut. Program ini akan diteruskan lagi dimana peruntukan telah disediakan sebanyak \$50,000.

Selain pembangunan kapasiti, ABCI turut melaksanakan inisiatif seperti promosi pemberigaan dan pameran bagi memperluaskan perkongsian ilmu dan maklumat terkini mengenai industri pembinaan.

Untuk makluman setakat ini terdapat 1,667 syarikat Kontraktor/Pembina yang berdaftar di ABCi. Ini menunjukkan kecenderungan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terhadap industri pembinaan dan giat aktif dalam mengendalikan projek-projek yang berkaitan dengan pembinaan.

No. Soalan: PL287

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jumlah kes tertunggak (*backlog*) dalam urusan pindah milik tanah dan MOT yang masih tertangguh bertahun-tahun sehingga membebankan waris dengan isu perundangan pusaka apabila pemilik meninggal dunia? Adakah Kementerian bersedia menetapkan had masa maksimum mandatori bagi kelulusan MOT?

JAWAPAN:

Dalam situasi urusan pindah milik tanah berhubung dengan harta pusaka apabila pemilik meninggal dunia, pada asasnya perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh pihak waris atau keluarga yang berkenaan mengikut proses perundangan yang ditetapkan di Mahkamah Waris.

Setelah seorang pentadbir dipersetujui dan disahkan atau dilantik secara sah oleh Mahkamah, pentadbir berkenaan mempunyai kuasa untuk menguruskan urusan harta pusaka tertakluk kepada perintah atau kuasa yang diberikan oleh Mahkamah.

Oleh itu, sekiranya semua dokumen yang diperlukan adalah lengkap dan tiada lagi pertikaian atau halangan perundangan dalam kalangan waris, proses pindah milik tanah kepada waris yang berhak dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar mengikut tatacara dan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Pada suku pertama tahun kewangan 2026/2027, sebanyak 418 permohonan pindah milik telah diterima oleh Jabatan Tanah di mana sebanyak 90% telah mendapat kebenaran dalam tempoh 90 hari, iaitu dari permohonan diterima sehingga mendapat kelulusan.

No. Soalan: PL257

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status penubuhan *Brunei Integrated Analytical Laboratory* khususnya mengenai strategic outcomes yang akan dapat diraih oleh pengusaha-pengusaha tempatan, terutamanya dari segi kecepatan proses, pengurangan kos perniagaan, dan peningkatan peluang eksport kerana kita difahamkan Laboratory ini akan menyediakan perkhidmatan ujian yang lebih pantas yang meliputi keselamatan makanan, DNA, dan keperluan pengesahan halal?

JAWAPAN:

Brunei Integrated Analytical Laboratory merupakan sebuah usahasama komersial (*commercial joint venture*) yang dikendalikan oleh gabungan kepakaran dari Australia dan sebuah syarikat tempatan. Makmal ini akan menyediakan perkhidmatan yang memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa, termasuk keperluan ujian berkaitan keselamatan makanan, *microbiology*, *molecular biology* dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Apabila beroperasi, makmal ini disasarkan dapat mempercepatkan proses pengujian, mengurangkan keperluan menghantar sampel ke luar negara, serta mengurangkan kos penghantaran dan logistik bagi pengusaha tempatan. Kemudahan ini juga akan membantu pengusaha tempatan memenuhi keperluan keselamatan, kualiti dan pematuhan produk serta meningkatkan kesiapsiagaan untuk memasuki pasaran eksport. Skop terperinci perkhidmatan yang akan disediakan, termasuk ujian keselamatan makanan, analisis *DNA* dan keperluan berkaitan pengesahan halal, akan ditetapkan oleh agensi-agensi berkaitan termasuk Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA).

Setakat ini, perjanjian penyewaan fasiliti telah ditandatangani oleh pemilik projek, dan kerja-kerja persediaan sedang dilaksanakan, termasuk proses perlesenan, usaha mendapatkan piawaian ISO 17025, pemasangan peralatan dan pengambilan tenaga kerja. Makmal berkenaan disasarkan untuk mula beroperasi pada bulan Oktober 2026, dengan fasa pertama memberi tumpuan kepada perkhidmatan ujian *microbiology* dan *molecular biology*.

No. Soalan: PL288**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT****TARIKH : 11.08.2026 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah penguatkuasaan siber lebih agresif untuk menyekat lambakan iklan rumah murah oleh kontraktor tidak berdaftar di media sosial yang menjadi ancaman scam terhadap pembeli rumah pertama? Berapakah kes penipuan hartanah berjaya didakwa di mahkamah?

JAWAPAN:

Pengiklanan melalui media sosial pada masa ini membolehkan sesuatu perkhidmatan ditawarkan dengan mudah dan meluas kepada orang ramai, termasuk tawaran membina rumah pada harga yang sangat rendah. Walau bagaimanapun, harga yang murah semata-mata tidak semestinya menunjukkan berlakunya penipuan. Risiko timbul apabila perkhidmatan ditawarkan oleh pihak yang tidak berdaftar, memberikan maklumat yang mengelirukan, mengambil bayaran tanpa melaksanakan kerja seperti dipersetujui, atau terdapat unsur-unsur penipuan yang lain.

Berdasarkan rekod Kementerian ini menerusi Divisyen Pengurusan Lembaga (BMD), terdapat 4 laporan berkaitan pemasaran dan penjualan harta tanah dilakukan oleh individu yang tidak berdaftar di bawah Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (BoVEA). Kesemua 4 kes ini masih dalam siasatan aktif oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bagi melengkapkan bukti yang kukuh sebelum dapat dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara untuk pendakwaan di mahkamah.

Dalam pada itu, pihak ABCi juga telah mengenai pasti seramai empat (4) orang pemaju yang giat mempamerkan iklan bagi menarik pembelian rumah, yang melibatkan 50 buah projek dengan sejumlah 131 unit rumah keseluruhan didapati telah gagal siap mengikut tempoh seperti di dalam perjanjian. Perkara ini melibatkan isu kontraktual dan Kementerian sedang meneliti satu usaha jika dapat supaya syarikat pemaju / kontraktor yang sering dibuat aduan kerana gagal menyiapkan rumah pelanggan sehingga terlalu lama untuk disenaraikan bagi rujukan dan maklumat orang ramai.

Dalam pada itu jua, setakat ini terdapat 27 syarikat yang dikenal pasti telah mengiklankan diri mereka sebagai Pembina dimana 20 darinya adalah syarikat yang tidak berdaftar sebagai Pembina.

Sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan, termasuk pengenaan kompaun atau pendakwaan, dapat dipertimbangkan, penelitian dan siasatan lanjut perlu dilaksanakan bagi mengesahkan jenis aktiviti pembinaan yang dijalankan, skop kerja serta projek-projek yang telah atau sedang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan.

Syarikat-syarikat yang dikenal pasti akan dipanggil untuk memberikan maklumat dan penjelasan lanjut secara bersemuka melalui pelaksanaan kuasa di bawah Seksyen 66, Akta Kawalan Bangunan, Penggal 256. Berdasarkan maklumat dan bukti yang diperolehi, tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian akan dipertimbangkan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Ingin menasihatkan orang ramai khususnya pembeli rumah untuk menyemak senarai ejen dan penilai harta tanah yang sah berdaftar di laman sesawang rasmi www.bovea.gov.bn. Dalam pada itu, orang ramai juga melayari laman sesawang ABCi bagi senarai syarikat yang mempunyai lesen pembina yang sah.